

**NO. SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8988**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian dapat membangunkan sebuah balai polis untuk seluruh Pulau Buit, Sarawak memandangkan masalah dadah dan kecurian semakin meningkat.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pulau Briut, Sarawak terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Matu Daro dan Balai Polis yang terhampir dengan pulau ini adalah Balai Polis Daro (perjalanan menggunakan bot menyusuri sungai selama dua jam).**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau tahap keselamatan di Pulau berkenaan daripada segi ancaman anasir luar, aktiviti penyeludupan dan tahap keseriusan aktiviti jenayah dan penyalahgunaan dadah. Kementerian akan membuat cadangan kepada kerajaan untuk pembinaan balai polis baharu di pulau berkenaan jika terdapat keperluan yang mendesak pada masa hadapan.**